

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10264**

**SOALAN :**

PR-1353-L03034

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kenderaan yang dipakai oleh PDRM tanpa insurans. Bagaimanakah PDRM membayar pampasan atau kos pembaikan sekiranya kenderaan tersebut terlibat dalam kemalangan jalan raya.

69

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada masa ini memiliki lebih kurang 22,000 buah kenderaan pelbagai jenis dan tidak dilindungi insurans. Bagi pengendalian kes kemalangan yang melibatkan kenderaan pasukan, prosedur yang diguna pakai adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 4.2.**

**PDRM tidak membayar sebarang pampasan atau kos pembaikan kenderaan jika terlibat dengan kemalangan jalan raya kepada pihak ketiga. Namun tuntutan boleh dibuat kepada pihak kerajaan bagi tujuan pampasan dan kos pembaikan. Setiap kemalangan yang melibatkan kenderaan Kerajaan akan dirujuk kepada penasihat undang-undang untuk mengkaji kemungkinan Kerajaan membayar ganti rugi atau mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan tuntutan atau urusan bayaran dengan pihak ketiga.**

**Sekiranya pihak ketiga yang bersalah bayaran ganti rugi akan dituntut melalui Peguam Negara dan wang tersebut akan dikreditkan sebagai hasil Kerajaan. Bagi pembaikan kenderaan PDRM yang rosak, kos pembaikan akan menggunakan peruntukan semasa jabatan.**